

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 16 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
PAUTAN :<https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/lain-lain/2023/01/1052731/majoriti-ahli-ekonomi-jangka-dunia-bakal-meleset-tahun-ini>

### **Majoriti ahli ekonomi jangka dunia bakal meleset tahun ini**



Forum Ekonomi Dunia mengumpulkan pemimpin perniagaan dan kerajaan - Foto AFP

DAVOS: Dua pertiga daripada ketua-ketua ahli ekonomi awam dan swasta yang dikaji oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) menjangkakan kemelesetan global pada 2023, kata pengajur Davos itu hari ini, ketika pemimpin perniagaan serta kerajaan berkumpul untuk mesyuarat tahunan.

Kira-kira 18 peratus menganggap kemelesetan dunia 'amat berkemungkinan', lebih dua kali ganda berbanding kaji selidik terdahulu yang dibuat pada September 2022.

Hanya satu pertiga daripada responden kaji selidik melihat kemelesetan tidak mungkin berlaku pada tahun ini.

"Inflasi tinggi, pertumbuhan rendah, hutang tinggi dan persekitaran berpecah tinggi mengurangkan insentif bagi pelaburan yang diperlukan untuk merangsang semula pertumbuhan dan menaikkan taraf kehidupan bagi dunia yang paling terdedah," kata Pengarah Urusan WEF, Saadia Zahidi dalam satu kenyataan bersama dengan keputusan kaji selidik itu.

Kaji selidik pertumbuhan itu adalah berdasarkan 22 maklum balas diterima daripada sekumpulan ahli ekonomi kanan menerusi agensi antarabangsa termasuk Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), bank-bank pelaburan, multinasional dan kumpulan insurans semula.

Kaji selidik itu dikeluarkan selepas Bank Dunia minggu lalu menurunkan unjuran pertumbuhan 2023 ke paras yang hampir kepada kemelesetan bagi kebanyakan negara apabila impak kenaikan kadar faedah bank pusat memuncak, perang Russia di Ukraine berterusan dan enjin ekonomi utama dunia mengalami kelembapan.

Definisi yang menyatakan kemelesetan berbeza di seluruh dunia, namun secara umumnya ia termasuk prospek penguncutan ekonomi, berkemungkinan dengan inflasi tinggi dalam senario 'stagflasi'.

Mengenai inflasi, kaji selidik WEF itu memperlihatkan perbezaan serantau: sebahagian menjangkakan inflasi tinggi pada 2023 daripada hanya 5.0 peratus di China kepada 57 peratus di Eropah, apabila kesan kenaikan harga tenaga tahun lalu mula merebak ke ekonomi lebih meluas.

Majoriti daripada ahli ekonomi menjangkakan dasar monetari akan terus diperketatkan di Eropah dan Amerika Syarikat (AS), dengan pembuat dasar berbelah bagi antara risiko melaksanakan pengetatan terlalu besar atau terlalu kecil.

Dapatan lain daripada kaji selidik itu termasuk:

Sembilan daripada 10 responden menjangkakan permintaan lemah dan kos pinjaman tinggi akan menjelaskan firma, dengan lebih 60 peratus turut menyatakan kos input lebih tinggi.

Cabarani ini dijangka menyebabkan perniagaan multinasional akan mengurangkan kos, dripada mengelakkan perbelanjaan operasi sehinggalah memberhentikan pekerja.

Bagaimanapun, gangguan rantai bekalan dijangka tidak menyebabkan penurunan ketara aktiviti perniagaan pada 2023.

Krisis kos sara hidup pula dijangka sudah menghampiri kemuncak, dengan majoriti atau 68 peratus ahli ekonomi menjangkakan ia menjadi semakin reda menjelang akhir 2023.

-Reuters